PANDUAN UMUM PENGGUNAAN MODUL

PENDIDIKAN ISLAM SPM

Modul ini mengamdungi 2 bahagian iaitu kertas 1 dan kertas 2.

Setiap bahagian mengandungi tajuk-tajuk tundingan bagi tahun 2018.

Setiap tajuk mengandungi 2 bentuk soalan iaitu soalan untuk pelajar cemerlang dan halus.

Pelajar cemerlang dikehendaki menjawab modul cemerlang, manakala pelajar yang halus diberi soalan halus.

Cadangan penggunaan modul adalah seperti berikut :

| MODUL CEMERLANG | MODUL HALUS |
|---|---|
| 1. Guru hendaklah mencetak soalan untuk diberikan kepada setiap pelajar. | |
| 2. Pelajar perlu menjawab soalan tanpa melihat skema jawapan. | 2. Guru perlu membimbing pelajar dengan menggunakan kata kunci. |
| 3. Skema digunakan apabila pelajar/guru membuat semakan jawapan.Ia sebagai panduan sahaja .Jawapan lain yang sesuai dan munasabah boleh diterima. | |

SELAMAT BERUSAHA
MENUJU JAYA

# TAJUK MODUL

| SET | BAHAGIAN | TING. | TAJUK |
|---|---|---|---|
| 6 | HADIS | 4 | PERPADUAN TERAS KEMAJUAN |
| | AQIDAH | 5 | QADIANI |
| | IBADAH | 5 | KEMAHIRAN KEIBUBAPAAN |
| | SIRAH | 5 | SAINS TEKNOLOGI ABBASIYAH |

**<u>PERPADUAN TERAS KEMAJUAN</u>**

| 1 | (a) | Hadis Rasulullah SAW |
|---|---|---|
| | عَنْ أَبِي هُرَيْرَة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لاَ تَحَاسَدُوا وَلاَ تَنَاجَشُوا وَلاَ تَبَاغَضُوا وَلاَ تَدَابَرُوا وَلاَ بَيْعَ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ وَكُونُوا عِبَادَ اللهِ اِخْوَانًا. الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لاَ يَظْلِمُهُ وَلاَ يَخْذُلُهُ وَلاَ يَكْذِبُهُ وَلاَ يَحْقِرُهُ، التَّقْوَى هَهُنَا وَيُشِيْرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ بِحَسْبِ امْرِىءٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ. كُلُّ المسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ.<br><br>(رواه المسلم) | |
| | Hadis di atas menjelaskan tentang sifat-sifat mazmumah yang boleh menghancurkan umat Islam. | |
| | Berdasarkan hadis di atas, | |

| BIL | SOALAN | M |
|---|---|---|
| | | |
| 1 | Senaraikan larangan yang terdapat dalam hadis di atas. | 1 |
| | | |
| 2 | Jelaskan **dua** sebab Islam melarang melakukan sifat mazmumah . | 4 |
| | | |
| 3 | "Pembeli menawarkan harga lebih tinggi kepada penjual sedangkan ketika itu penjual sedang berurusan dengan pembeli yang lain" | |
| | Pada pandangan anda, mengapakah jual beli ini dilarang di dalam Islam. Bincangkan. | 4 |

**QADYIANI**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Siapakah pengasas ajaran Qadiyani ? | [2 markah] |
| 2. | Ajaran Qadyiani berasal dari mana dan muncul bila?. | [4 markah] |
| 3. | Jelaskan **dua** ciri kesesatan ajaran Qadyiani.. | [4 markah] |
| 4. | **" En Ahmad telah berlepas dari KLIA ke Gusdafur untuk menunaikan Haji selepas terpengaruh dengan satu ajaran yang di bawa oleh kawan baiknya."**<br><br>Jelaskan pendapat anda bagaimanakah untuk mengelakkan situasi tersebut berlaku di Malaysia pada masa hadapan. | [4 markah] |

**KEMAHIRAN KEIBUBAPAAN.**

| BIL | SOALAN | Markah |
|---|---|---|
| 1. | Nyatakan **dua** bentuk pendidikan asas bagi kanak-kanak. | [2 Markah] |
| 2. | Jelaskan **dua** kesan pengabaian melaksanakan tanggungjawab kepada anak-anak. | [4 Markah] |
| 3. | Jelaskan **dua** matlamat pendidikan rohani kepada anak-anak. | [4 Markah] |
| 4. | Apakah hukum melaksanakan tanggungjawab mendidik anak. | [1 Markah] |
| 5. | .<br>Kes remaja bermasalah semakin meningkat dari hari ke hari dan semakin memimbangkan.<br><br>Berdasarkan kenyataan di atas, huraikan peranan yang boleh dimainkan oleh ibubapa bagi mengatasi masalah ini. | [4 Markah] |

## SAINS DAN TEKNOLOGI ZAMAN ABBASIAH

1. Nyatakan peranan Baitul Hikmah pada zaman khalifah al Makmun. [2 markah]

2. Terangkan **dua** program yang dilaksanakan oleh khalifah untuk memajukan bidang sains dan teknologi. [4 markah]

3. Jelaskan **dua** bukti kecintaan para khalifah terhadap ilmu sains dan teknologi. [4 markah]

4. **Pencapaian dalam bidang sains dan teknologi pada zaman Kerajaan Abbasiyah telah mengubah cara hidup dan status umat Islam** [4 markah]

   Jelaskan pandangan anda bagi menyokong pernyataan di atas.

**SKEMA**

**PERPADUAN TERAS KEMAJUAN**

| BIL | JAWAPAN | M |
|---|---|---|
| | | |
| 1 | Larangan-larangan yang terdapat dalam hadis di atas | 2 |
| | - Benci membenci | |
| | - Tipu menipu | |
| | - Dengki mendengki | |
| | - Berpaling muka | |
| | - Jualbeli atas jualan orang lain | |
| | - Zalim menzalimi | |
| | - Hina menghina | |
| | | |
| 2 | **Dua** sebab Islam melarang melakukan sifat mazmumah | 4 |
| | -Umat Islam akan menjadi umat yang lemah | |
| | -Boleh menyebabkan berlakunya perpecahan | |
| | -Boleh menyebabkan pergaduhan / persengketaan | |
| | -Boleh memutuskan hubungan silatulrahim | |
| | -Menyebabkan berlakunya jenayah secara berleluasa | |
| | | |
| 3 | Cadangan jawapan fokus kepada: | 4 |
| | - Tidak menepati syarak | |
| | - Jual beli haram tetapi sah | |
| | -Menimbulkan pergaduhan | |
| | -Dilarang /dibenci Allah | |
| | | |

**QADIYANI**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | **Pengasas** ajaran Qadiyani ialah **Mirza Ghulam Ahmad Al Qadiyani ( meninggal dunia 1908 )** | 2M |
| 2. | - Ajaran Qadyiani muncul di kampung Qadiyan , Gusdafur India<br>- Ajaran Qadiyani muncul pada tahun 1889 M. | 4M |
| 3. | **Dua ciri-ciri kesesatan ajaran Qadiyani:**<br>– Beriktiqad bahawa Mirza Ghulam Ahmad sebagai Imam Mahdi ,Nabi dan Jelmaan Krisna.<br>– Beriktiqad bahawa Allah menurun kepada Mirza Ahmad sebuah kitab suci yang bernama Al Tazkirah.<br>– Beriktiqad bahawa Mirza Ghulam Ahmad mempunyai sejuta mukjizat.<br>– Menghapuskan jihad.Mendakwa malaikat sebagai pancaindera Allah.<br>– Menghukum kafir selain penganut Qadyiani. | 4M |

**KEMAHIRAN KEIBUBAPAAN.**

<table>
<tr><td>1.</td><td>Dua bentuk pendidikan asas bagi kanak-kanak:<ul><li>Pendidikan agama</li><li>Pendidikan rohani / moral</li><li>Pendidikan intelektual</li><li>Pendidikan jasmani</li></ul></td><td>2M</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Dua kesan pengabaian melaksanakan tanggungjawab kepada anak-anak:<ul><li>Anak akan menderhaka / tidak menghormati ibu bapa</li><li>Anak akan mengabaikan ajaran Islam</li><li>Keluarga menjadi porak peranda</li></ul></td><td>4M</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Dua matlamat pendidikan rohani kepada anak-anak:<ul><li>Membentuk keperibadian anak agar dapat menjalankan tugas</li><li>Berfikiran matang dalam membuat keputusan</li><li>Bercita-cita tinggi dan berani dalam kehidupan</li></ul></td><td>4M</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Hukum mendidik anak adalah :<ul><li>Wajib</li></ul></td><td>1M</td></tr>
<tr><td>5.</td><td><table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta sahaja</td><td>1M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang ringkas</td><td>2M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah</td><td>3M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah yang mantap dan bernas dan ada kesimpulan atau rumusan</td><td>4M</td></tr>
</table>
Contoh jawapan<br>
Mendidik anak –anak dengan pendidikan asas yang mencukupi ( isi)<br>
Ini boleh dilakukan dengan mengajar mereka pendidikan agama, rohani, intelektual dan jasmani. ( huraian)<br>
Kesannya, mereka memahami baik dan buruk sesuatu tindakan dan seterusnya akan membentuk akhlak mereka.( huraian lanjut)<br>
Oleh itu, ibubapa perlu mempunyai kemahiran dalam mendidik anak-anak mereka agar mereka menjadi manusia yang berguna. ( kesimpulan)</td><td>4M</td></tr>
</table>

**SAINS DAN TEKNOLOGI ZAMAN ABBASIAH**

<table>
<tr><td>1.</td><td>Peranan baitul hikmah pada zaman khalifah al Makmun<br>-pusat penterjemahan</td><td>2M</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Dua program yang dilaksanakan oleh khalifah untuk memajukan bidang sains dan teknologi<br>– Mengadakan seminar perubatan sedunia di musim haji<br>– Menyediakan peruntukan yang banyak dalam bidang penyelidikan Sains dan teknologi<br>– Membina pusat penyelidikan sains seperti khalifah al-makmun yang membina balai cerap</td><td>4M</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Dua bukti kecintaan para khalifah terhadap ilmu sains dan teknologi.<br>– Mereka pernah menerima kitab sebagai tebusan terhadap tentera tentera ROM yang ditawan .<br>– Mereka juga menerima pembayaran jizyah dalam bentuk kitab .<br>– Mereka memberi banyak hadiah kepada kerajaan Rom untuk mendapatkan karya dalam bidang perubatan dan falsafah</td><td>4M</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Jelaskan Dua bukti kecintaan para khalifah terhadap ilmu sains dan teknologi.<br>– Mereka pernah menerima kitab kitab sebagai tebusan terhadap tentera tentera Rom yang ditawan .<br>– Mereka juga menerima pembayaran jizyah dalam bentuk kitab .<br>– Mereka memberi banyak hadiah kepada kerajaan Rom untuk mendapatkan karya dalam bidang perubatan dan falsafah</td><td>4M</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta sahaja</td><td>1M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang ringkas</td><td>2M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah</td><td>3M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah yang mantap dan bernas dan ada kesimpulan atau rumusan</td><td>4M</td></tr>
</table>
</td><td>4M</td></tr>
</table>